

03 JUN 2001

Rais-ISA

LUAR BIASA BAGI HAKIM GESA K'JAAN KAJI SEMULA UNDANG-UNDANG, KATA RAIS

Oleh: S.Retna

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Adalah suatu yang luar biasa bagi hakim membuat keputusan dalam penghakiman mereka bahawa kerajaan patut meminda undang-undang tertentu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim hari ini.

"Memang ramai orang percaya ia perlu dipinda... mereka boleh menyuarakan perasaan masing-masing tetapi dalam menterjemahkan undang-undang ia merupakan suatu yang luar biasa bagi seorang hakim untuk membuat keputusan penghakiman bahawa kerajaan patut meminda undang-undang," katanya kepada Bernama dalam satu temubual di sini.

Beliau diminta mengulas keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam Datuk Mohamed Hishamudin Mohamed Yunus Rabu lepas yang membebaskan dua aktivis reformasi daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selepas mendapati penahanan mereka tidak sah.

Hishamudin dilaporkan berkata sudah tiba masanya Parlimen menimbang sama ada ISA, yang pada peringkat awalnya bertujuan menangani keganasan komunis pada awal tahun kemerdekaan, sesuai dengan keadaan sekarang.

Rais berkata: "Apa yang biasanya seorang hakim perlu berkata ialah, dengan peruntukan sedia ada, sama ada kesalahan wujud atau sama ada ia memenuhi kehendak undang-undang. Bagi undang-undang mana yang harus dipinda atau mana undang-undang yang perlu dimansuhkan, ia bukan peranan seorang hakim (untuk mengatakannya)."

Hishamudin dilaporkan berkata bahawa jikapun ISA mahu dikekalkan, sekurang-kurangnya peruntukannya perlu dikaji semula secara terperinci bagi mencegah atau meminimumkan salah guna.

Dua bekas tahanan ISA terbabit ialah Abdul Ghani Haroon dan N. Gobalakrishnan.

Ekoran penghakiman itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat lepas berkata kerajaan akan melihat sama ada ISA perlu dikaji semula seperti yang dicadangkan oleh hakim itu.

Rais berkata memadangkan keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam itu merupakan penghakiman, semua pihak patut mengelak daripada membuat interpretasi sendiri.

"Tetapi sudah pasti orang ramai keseluruhannya, ahli akademik serta pengamal undang-undang agak bebas untuk menyuarakan pendapat mengenai penghakiman itu. Saya hanya boleh merumuskannya dalam bentuk pendekatan akademik," katanya.

Rais berkata ISA yang walaupun tidak popular di kalangan sesetengah pihak, telah mewujudkan keadaan aman dan tenteram yang diperlukan oleh negara pada dekad-dekad lepas.

Beliau berkata adalah sia-sia semata-mata untuk berkata bahawa ia tidak adil dan kejam, interpretasi yang amat popular mengenai ISA di kalangan orang ramai.

"Tetapi hakikatnya nyata yang ia telah mewujudkan ketenteraman yang telah dinikmati oleh rakyat Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

SR MAM LAT RON